

10/08/1998

Singapura - jiran yang suka buat onar

Noordin Zakaria

BEKAS Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie pernah berkata: "Kita boleh memilih kawan, tetapi tidak boleh memilih jiran". Begitu juga bagi Malaysia dalam hubungan dengan `jiran tetangganya`.

Mahu tidak mahu, Malaysia terpaksa menerima semua `jiran tetangganya` tanpa ada peluang atau kuasa memilih walau apa pun sikap jirannya. Dalam konteks hubungan diplomatik, sesebuah negara biasanya memberi layanan lebih utama kepada negara jiran berbanding negara lain atas faktor keselamatan bersama, persefahaman dua hala, hubungan dagang atau rumpun bangsa.

Namun sejarah dunia juga menyaksikan hubungan diplomatik antara negara kadang-kadang bertembung dengan konflik. Biasanya jiran yang baik dilayan secara baik, dan begitu juga sebaliknya.

Dalam hubungan dengan Singapura, Malaysia juga tertakluk kepada ketetapan `tidak boleh memilih jiran`. Mahu tidak mahu, negara ini terpaksa menerima secara rela kewujudan Singapura yang ketika dulu adalah sebahagian daripada Malaysia, sebagai `jiran tetangga`.

Malangnya, dalam keadaan tidak mempunyai peluang atau kuasa untuk memilih `jiran tetangga`, Malaysia terpaksa menghadapi Singapura sebagai jiran yang suka `membuat onar`.

Menyakiti hati Malaysia sebagai negara jiran adalah sebahagian daripada rentetan sejarah hubungan diplomatik antara kedua-dua negara setakat ini.

Bukan sekali dua republik itu mengambil sikap dan tindakan yang boleh disifatkan sebagai `menyakiti hati` Malaysia dan rakyatnya, malah berkali-kali.

Pelbagai isu sengaja dibangkitkan termasuk tuntutan Pulau Batu Putih, Pulau Layang-Layang dan Pulau Sipadan serta pencerobohan ruang udara Johor oleh jet pejuang Singapura, tuduhan bahawa Johor Bahru sebagai pusat kegiatan jenayah, keengganan menyerahkan wang rakyat Malaysia di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) Singapura hingga isu terbaru membabitkan pemindahan Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tanjong Pagar ke Woodlands.

Dalam isu terbaru ini, semua pihak di Malaysia tanpa mengira fahaman politik, melahirkan suara yang sekata dan senada terhadap sikap Singapura dalam mencetuskan perkara itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menyifatkan sebarang kekeruhan hubungan dengan Singapura berikutan isu pemindahan KIK di Tanjong Pagar disebabkan republik itu, bukan Malaysia.

Sambil menegaskan Malaysia tidak pernah berhasrat bersengketa dengan Singapura, Perdana Menteri berkata, adalah wajar republik itu mengambil daya usaha menyelesaikan isu berkenaan kerana mereka yang memulakan perbalahan itu.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Ahmad, pula melahirkan kebimbangannya jika ada kemungkinan Singapura hanya menjadi proksi kepada pihak lain apabila negara itu sengaja membangkitkan pelbagai isu yang menyentuh hubungannya dengan Malaysia.

Pas sendiri turut membuat kecaman dalam nada yang sama, manakala DAP juga mengingatkan supaya negara jiran itu tidak menjadi seperti Israel.

Dalam kebanyakan isu berkenaan, Malaysia lebih banyak mengambil sikap bertolak-ansur. Malah, sesetengah pihak menamakan cara Malaysia ini sebagai `pendekatan mengalah`. Namun, walaupun benar Malaysia mengalah, bukan bermakna pihak yang mengalah akan `kalah semua` dan pihak yang

berasa dirinya menang akan `menang semua'. Pihak yang mengalah juga tidak semestinya akan terus mengalah. Ini fakta.

Malah Malaysia sendiri setakat ini dikatakan belum memanfaatkan sepenuhnya `kelebihan strategik' yang ada padanya menerusi perjanjian bekalan air ke republik itu. Mungkin kerana menyedari negara ini mempunyai `kelebihan strategik' yang belum dimanfaatkan sepenuhnya, Singapura awal-awal lagi melakukan ikhtiar lain dengan cuba mendapatkan bekalan air dari Indonesia.

Memang sekali imbas kelihatan Singapura bertindak licik dalam setiap isu. Pendekatan `baling batu, sembunyi tangan, kemudian diam' sebagai sebahagian daripada taktik Singapura dalam kebanyakan isu dua hala sebelum ini, kelihatan seolah-olah menyebabkan `kemenangan' berpihak kepada negara itu walaupun pendapat sedemikian belum tentu tepat.

Dalam kebanyakan kes, Singapura akan mula diam dan memerhatikan saja kemarahan pelbagai pihak di Malaysia selepas ia membangkitkan sesuatu isu yang menyentuh kepentingan dan sensitiviti rakyat negara ini.

Bagaimanapun, menang atau kalah bukanlah matlamat wahid dalam setiap isu hubungan diplomatik antara mana-mana negara di dunia. Apa yang lebih penting ialah memastikan kemakmuran ekonomi dan keselamatan serantau sentiasa terpelihara.

Jiran yang baik biasanya bukan saja tidak angkuh, malah `peramah' dan `berbudi bahasa'. Menghormati tetangga adalah sebahagian daripada kunci kejayaan hubungan diplomatik antara mana-mana negara selama ini.

Namun dalam konteks hubungan Malaysia-Singapura, negara jiran itu yang sebelum 1965 turut disenaraikan sebagai `Persekutuan Tanah Melayu' dalam peta dunia, kelihatan seolah-olah `takut pada bayang-bayang sendiri'. Perasaan seperti ini mencetuskan prejudis yang berpanjangan. Prejudis itu sendiri sebenarnya adalah penyakit dalaman yang sering merosakkan apa juga bentuk hubungan sama ada di peringkat individu, keluarga, organisasi, masyarakat atau negara.

Sikap prejudis itu jugalah yang akhirnya menyebabkan sesetengah jiran sentiasa cuba membuat onar terhadap tetangganya!

(END)